

Pengurus bank rugi hampir RM2 juta ditipu Macau Scam

Pegawai polis wanita dakwa mangsa terbabit kes langgar lari

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Seorang pengurus sebuah bank di ibu negara kerugian wang hampir RM2 juta selepas hasil penjualan saham, pinjaman peribadi, simpanan dan simpanan tetap serta penjualan polisi insurans miliknya lesap ditipu sindiket Macau Scam.

Mangsa wanita berusia 50 tahun itu terpedaya selepas menerima panggilan daripada seorang wanita mengaku sebagai pegawai polis di daerah ini, pada jam 5.52 petang, 5 Mei lalu.

Pegawai polis itu mendakwa, mangsa terbabit dengan kes langgar lari dan menyebabkan kematian di tempat kejadian, namun mangsa menafikan perkara itu.

B a g a i m a n a p u n , mangsa mula panik apabila dia dikatakan

mempunyai rekod lalu berkaitan kes pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal, berkata mangsa kemudian menerima satu mesej menerusi aplikasi WhatsApp berkenaan waran tangkap yang dikeluarkan terhadapnya.

"Mangsa diminta membuka satu akaun bank tempatan bagi membolehkan mangsa memindahkan semua wangnya yang berada di akaun bank miliknya ke akaun bank baharu itu.

"Ia kononnya untuk siasatan dijalankan Bank Negara bagi mengenal pasti sama ada

mangsa benar-benar terbabit dengan kegiatan pengubahan wang haram atau sebaliknya.

"Akur dengan arahan itu, mangsa membuka satu akaun bank tempatan pada keesokannya harinya (6 Mei)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mangsa mengeluarkan semua wang miliknya itu dan memindahkan ke akaun bank baharu berkenaan.

"Mangsa juga diminta tidak membuat sebarang semakan dengan bank berhubung sebarang transaksi di akaun itu daripada Mei sehingga September lalu, kononnya bagi membolehkan Bank Negara menjalankan siasatan, selain dijanjikan akan menerima surat pengesahan

sama ada didapati bersalah atau sebaliknya.

"Bagaimanapun, mangsa mula curiga kerana sehingga semalam (kelmarin), dia masih belum menerima surat itu, sebelum ke cawangan bank tempatan untuk membuat semakan dan mendapat wangnya berjumlah RM1,979,976 dikeluar kan secara berperingkat.

"Selepas menyedari ditipu, mangsa kemudian membuat laporan polis semalam (kelmarin)," katanya.

Orang ramai dinasihatkan terus menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di talian 03-7966 2222 jika menerima panggilan telefon sedemikian bagi memastikan kesahihannya.

Mangsa juga diminta tidak membuat sebarang semakan dengan bank berhubung sebarang transaksi di akaun itu daripada Mei sehingga September lalu, kononnya bagi membolehkan Bank Negara menjalankan siasatan.

Nik Ezanee Mohd Faisal,
Ketua Polis Daerah Petaling Jaya

